



## KENYATAAN MEDIA BERSAMA

### **PEMBUKAAN JEJAMBAT DARI PERSIMPANGAN BUKIT SETONGKOL KE KEMUNTING, DI JALAN PERSEKUTUAN (FT421) JALAN PUTRA DIPERCEPATKAN SEBELUM HARI RAYA AIDILFITRI**

**KUANTAN, PAHANG** - YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya dan YAB Dato' Sri Haji Wan Rosdy Bin Wan Ismail, Menteri Besar Pahang telah sepakat dan bersetuju untuk membuka jejambat dari persimpangan Bukit Setongkol ke Kemunting di Jalan Persekutuan (FT421) pada hari Isnin, 1 April 2024 bermula jam 8.00 pagi.

Kedua-dua YB Menteri dan YAB Menteri Besar Pahang merasakan pembukaan jejambat ini amat perlu disegerakan bagi memudahkan rakyat Malaysia terutama rakyat di Pahang menggunakan jejambat ini sebagai laluan alternatif dan sekaligus mengurangkan kesesakan lalulintas akibat pertambahan jumlah kenderaan terutamanya pada waktu puncak dan cuti umum serta menjadikan masa perjalanan lebih singkat.

Projek pembinaan jejambat ini merupakan kesinambungan kepada projek pembinaan sebuah Jambatan Baharu merentasi Sungai Kuantan menghubungkan Bandar Kuantan Ke Bandar Putra, Tanjung Lumpur yang kini dikenali sebagai Jambatan Putra, di mana ia telah dibuka secara rasmi pada 21 Februari 2021.

Projek ini dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan dan dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia.

Pembinaan Jambatan Putra telah disiapkan secara Siap Berbahagian pada 25 September 2020 sepanjang 1.85 kilometer merangkumi jambatan baharu sepanjang 451 meter merentasi Sungai Kuantan dengan kos projek bernilai RM161.438 juta ringgit dan telah dirasmikan pembukaannya pada 21 Februari 2021.

Manakala, projek jejambat dari Persimpangan Bukit Setongkol Ke Kemunting ini pula merupakan skop kerja tambahan bagi Projek Pembinaan Sebuah Jambatan Baharu Merentasi Sungai Kuantan Menghubungkan Bandar Kuantan Ke Bandar Putra, Tanjung Lumpur yang telah diluluskan secara Perjanjian Tambahan dengan kos projek bernilai RM 47 juta, di mana tarikh milik tapak adalah pada 15 Jun 2020 dan disiapkan pada 22 Mac 2024.

Skop kerja tambahan ini merangkumi pembinaan Jalan Berkembar 4 Lorong dari Persimpangan Bukit Setongkol ke Kemunting, mengikut piawaian JKR U5 Jenis III sepanjang 650 meter, merangkumi jejambat baharu sepanjang 280 meter merentasi Jalan Persekutuan, Jalan Kuantan - Gambang (FT02).

Dalam pada itu, Kedua-dua YB Menteri dan YAB Menteri Besar Pahang berharap dengan siapnya jejambat dari persimpangan Bukit Setongkol Ke Kemunting ini, ia akan memberi kemudahan dan keselesaan kepada orang awam, khususnya kepada penduduk sekitar.

Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya amat komited dalam membangunkan lanskap infrastruktur awam negara demi kesejahteraan dan keselesaan rakyat.

Sekian, terima kasih.

###

**YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi**  
**Menteri Kerja Raya**  
**31 Mac 2024**

**YAB Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail**  
**Menteri Besar Pahang**  
**31 Mac 2024**